

Campur tangan hakim boleh cetus kacau bilau

UM - 8 FEB 2003

PUTRAJAYA 7 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, campur tangan oleh hakim dalam urusan penggubalan undang-undang dan pentadbiran negara boleh menyebabkan berlaku kacau bilau.

Perdana Menteri berkata, jika hakim tidak menghormati pemisahan antara cabang penggubal undang-undang, pentadbiran dan kehakiman, dikhuatiri pihak lain akan turut mengambil langkah yang sama seterusnya memusnahkan sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini.

“Kalau kita tidak hormati pemisahan ini, maka pihak lain juga akan melanggar batasan dan mungkin pihak berkuasa akan campur tangan dalam urusan kehakiman dan sebagainya.

“Biarlah penggubal undang-undang yang menentukan undang-undang dan jika ia tidak betul, orang ramai akan mende-sak supaya ia ditukar.

“Itu sistem demokrasi, tetapi jika hakim tidak berpegang kepada sistem itu, tentunya seluruh sistem akan musnah dan berlaku anarki,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan E-Syariah di Hotel J.W. Marriott di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas mengenai tindakan beberapa hakim yang memberikan pandangan peribadi yang negatif mengenai struktur undang-undang di negara ini ketika memberikan ketera-

ngan penghakiman dalam perbicaraan.

Terdahulu, Perdana Menteri dalam ucapannya mengingatkan hakim-hakim supaya tidak menganggap diri mereka berada bebas daripada tindakan undang-undang semata-mata kerana diberi sedikit keistimewaan.

“Kerana ingin melihat keadilan berlaku maka hakim dibebaskan dari tekanan ke atas dirinya tetapi kerana hakim tidak boleh ditegur dan sukar diambil tindakan, tidak bermakna hakim boleh mengeneipkan kepentingan pengadilan yang adil.

“Jika hakim menyimpang jauh daripada pengadilan yang adil kerana menganggap dirinya bebas, maka institusi kehakiman tentulah akan kehilangan kepercayaan masyarakat,” kata beliau.

Dr. Mahathir turut mengingatkan bahawa kerajaan akan menyingkirkan hakim sekiranya mereka secara ketara melanggar undang-undang.

“Kebebasan hakim tidak boleh melindunginya secara mutlak (dan) walaupun proses penyingkiran hakim memang lebih susah tetapi bagi memelihara keadilan, penyingkiran hakim boleh dibuat.

“Kerajaan dan rakyat mesti menghormati undang-undang tetapi hakim dan pegawai mahkamah termasuk pendakwa raya dan peguam bela juga tidak terkecuali daripada undang-undang awam atau undang-undang syariah,” kata Dr. Mahathir.